

KANDUNGAN

BAHAGIAN	TAJUK	MUKA SURAT
-----------------	--------------	-------------------

A. MAKLUMAT AM

1. Panduan Untuk Ke PJK
2. Peringatan Sebelum Pendaftaran
3. Bayaran Yuran

B. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

1. Laporan Diri
 2. Perkara-Perkara Yang Mesti Dibawa Pada Hari Pendaftaran.
 3. Pakaian & Rupidiri Semasa Pendaftaran
 4. Kemudahan Tempat Tinggal
 5. Hal-Hal Lain
 6. Tatacara Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Online
-

A. MAKLUMAT AM

Baca maklumat am berikut dengan teliti dan sila ambil tindakan yang sewajarnya agar anda dapat mengikuti pengajian anda di Politeknik Jeli Kelantan(PJK) dengan selesa.

1. PANDUAN UNTUK KE PJK.

Kampus Politeknik terletak di Jeli, Kelantan melalui jalan Grik – Pasir Putih (Jalanraya Timur-Barat) . Jarak kampus dengan Bandar Jeli lebih kurang 3km.

2. PERINGATAN SEBELUM PENDAFTARAN

a. Bawa semua **DOKUMEN ASAL** yang dikehendaki semasa hari pendaftaran. Pendaftaran anda akan **ditolak/ditanggung** sekiranya anda gagal menunjukkan dokumen-dokumen tersebut.

Jabatan Pendidikan Politeknik juga berhak **menarik balik tawaran** belajar di PJK sekiranya terdapat **PERCANGGAHAN MAKLUMAT** di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon pengajian di Politeknik.

b. Lengkapkan semua borang HEP1-HEP6 dan serahkan semasa pendaftaran.

c. Pendaftaran secara " Online", rujuk **Bahagian B - Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu**

3. BAYARAN YURAN

Semua pelajar baharu perlu menjelaskan bayaran seperti berikut:-

i.	Yuran Pengajian	- RM 200.00
ii.	Bayaran Pelbagai	- RM 600.00

Nota :

1. **SEMUA PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda **berhenti** dari menjadi pelajar PJK.
2. Pelajar yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah membawa bersama **Surat Pengesahan Penajaan** (yang asal) semasa mendaftar. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja hendaklah dijelaskan oleh pelajar semasa pendaftaran. Satu salinan fotostat surat tersebut hendaklah diserahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk disimpan di dalam Fail Peribadi Pelajar.

B. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Anda dinasihatkan supaya membaca maklumat dan arahan di bawah dengan teliti supaya urusan pada HARI PENDAFTARAN berjalan dengan lancar. Anda **tidak akan didaftarkan** sekiranya mana-mana perkara yang disebutkan di bawah tidak dipenuhi.

1. **LAPOR DIRI**

Anda hendaklah hadir untuk melapor diri sebagai pelajar PJK menurut maklumat berikut:

Tarikh : 14 Jun 2015 (Ahad).
Masa : 8.30 Pagi.
Tempat : Lanas 4.

JIKA ANDA TIDAK MELAPOR DIRI PADA TARIKH, MASA DAN TEMPAT YANG TELAH DITETAPKAN BERMAKNA ANDA MENOLAK TAWARAN INI

2. **PERKARA-PERKARA YANG MESTI DI BAWA PADA HARI PENDAFTARAN**

2.1 **Dokumen-dokumen ASAL** yang berikut :

- a. Kad Pengenalan Pelajar
- b. Surat Tawaran ke Politeknik
- c. Keputusan SPM/SPM(V)
- d. Sijil Berhenti Sekolah.
- e. Dokumen / Sijil Ko-Kurikulum yang berkaitan (*terutamanya yang mewakili negara dan negeri*).
- f. Surat Akuan/Testimonial Sekolah (*jika berkaitan/ada*)

2.2 Borang-borang Pendaftaran berikut yang telah lengkap diisi dan mengikut arahan di dalam borang tersebut:

- a. HEP 1 – Borang Maklumat Peribadi Pelajar.
- b. HEP 2 – Akuan Pelajar.
- c. HEP 3 – Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung.
- d. HEP 4 – Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga untuk Rawatan Pembedahan.
- e. HEP 5 – Laporan Pemeriksaan Kesihatan & Laporan X-ray.
- f. HEP 6 – Aku Janji Pelajar.

PEMERIKSAAN KESIHATAN & X-RAY adalah **DIWAJIBKAN** bagi setiap pelajar baharu di setiap politeknik. Ianya boleh dibuat di Klinik atau Hospital Kerajaan / Swasta. Laporan X-ray (*Report X-ray*) hendaklah disertakan bersama Laporan Pemeriksaan Kesihatan (HEP 5) .

SEKIRANYA ANDA GAGAL MENGEMUKAKAN / MEMBAWA DOKUMEN-DOKUMEN ASAL BERKENAAN, PENDAFTARAN ANDA AKAN DITOLAK

- 2.3 Empat (4) keping gambar warna yang terbaharu berukuran Kad Pengenalan. Sila catatkan nama dan Nombor Kad Pengenalan anda di belakang setiap keping gambar.
- a. Pelajar lelaki – berkemeja dan berambut pendek
 - b. Pelajar perempuan (Islam) – bertudung
 - c. Pelajar perempuan (Bukan Islam) - tidak mendedahkan bahagian bahu

3. PAKAIAN DAN RUPADIRI SEMASA PENDAFTARAN

- 3.1 Pelajar-pelajar hendaklah berpakaian **kemas**, bersih dan menutup aurat (bagi pelajar Islam). Semua jenis pakaian hendaklah tidak menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, perut, bahu dan belakang.
- 3.2 Berkasut serta berstokin.
- 3.3 Rambut mestilah kemas dan pendek bagi pelajar lelaki. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju. Aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi.
- 3.4 Topi, Baju-T tidak berkolar, seluar jeans, seluar pendek, seluar sukan dan selipar/sandal adalah **DILARANG**.

4. KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL/TAWARAN ASRAMA

Politeknik Jeli **tidak menyediakan kemudahan asrama atau penginapan** kepada pelajar. Walaubagaimanapun, bagi kemudahan kepada pelajar dan penjaga pihak PJK telah menyediakan senarai pemilik yang menyediakan tempat tinggal untuk disewakan kepada pelajar. **(sila layari laman web Politeknik Jeli)**

Pelajar hendaklah berurusan terus dengan pengusaha tempat tinggal berkenaan sekiranya inginkan kemudahan tempat tinggal yang disediakan oleh pengusaha.

Dapatkan maklumat mengenai kemudahan yang disediakan dan kadar sewaan.

Pelajar juga disarankan supaya menyediakan wang yang secukupnya untuk tujuan membayar deposit, sewa, membeli kelengkapan seperti cadar, sarung bantal, tilam dan sebagainya.

Pihak PJK, menasihatkan penjaga datang melawat rumah yang hendak disewakan terlebih dahulu dan perbincangan muktamad boleh dibuat semasa hari pendaftaran.

5. HAL-HAL LAIN

- a. Semua pelajar dinasihatkan membawa pakaian sukan yang sesuai dan memenuhi syarat-syarat pakaian seperti yang dijelaskan dalam **Buku Panduan Pelajar**.
- b. Pelajar digalakkan membawa **3 salinan fotostat** dokumen-dokumen peribadi yang telah disahkan untuk urusan permohonan biasiswa/pinjaman pelajaran, termasuklah salinan fotostat kad pengenalan ibu / bapa / penjaga (di atas kertas saiz A4).
- c. BORANG PENDAFTARAN KENDERAAN PELAJAR & SURAT KEBENARAN MEMBAWA KENDERAAN OLEH IBUBAPA / PENJAGA *bagi pelajar yang ingin membawa kenderaan ke PJK selepas Hari Pendaftaran*.

Salinan yang dikehendaki (dalam kertas saiz A4) :

1. Kad Pengenalan Pelajar
2. Lesen Memandu Pelajar
3. Cukai Jalan Kenderaan (*bagi motosikal*) atau Cover Note Insurans (*bagi kereta*)

- d. PEGAWAI YANG LAYAK UNTUK MENGESAHKAN SIJIL DAN DOKUMEN atau sebagai **SAKSI**.

SAKSI mestilah terdiri daripada **PEGAWAI KERAJAAN KUMPULAN A** (*yang memiliki Ijazah*) atau **PENGETUA SEKOLAH KERAJAAN** sahaja.

6. Tatacara Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Online

1. Pra- Syarat Pendaftaran

- a. Telah menghantar Borang Jawapan Tawaran (BJT-JPP)
- b. Telah membayar yuran pengajian di Bank Islam

2. Tatacara Pendaftaran

- a. Alamat Web – <http://spmp.pjk.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>

Selamat Datang ke Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Pendaftaran Pelajar Baru Online

No KP Calon :

iHELP
Politeknik Jeli, Kelantan
Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

b. Masukkan No.Kad Pengenalan Calon dan klip butang “teruskan”.

c. Sekiranya melepasi tapisan Pra-Syarat paparan adalah seperti di bawah

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : DISEMBER 2014 || DIS2014

Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Jeli

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	Cetak Dokumen Pendaftaran Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Jeli	<input type="button" value="Maklumat Am"/>
2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	<input type="button" value="Maklumat Bayaran"/>
3	Semak status bayaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Jeli sehari selepas bayaran dibuat	<input type="button" value="Semak Status Bayaran"/>
4	Pendaftaran Online (dalam talian) Sila Klik Pendaftaran Online PJK setelah status bayaran yuran diterima oleh pihak Politeknik Jeli	<input type="button" value="Teruskan Untuk Pendaftaran"/>

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar

dan jika tidak melepasi tapisan,

Selamat Datang ke Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Pendaftaran Pelajar Baru Online

No KP Calon : 96102403515€

Teruskan

iHELP
Politeknik Jeli, Kelantan
Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Maaf jawapan penerimaan anda masih belum diterima atau diproses,
sila hubungi JHEP Politeknik Jeli

d. Cetak maklumat pendaftaran

e. Tekan butang " Teruskan Untuk Pendaftaran"

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : DISEMBER 2014 || DIS2014

Maklumat Pendaftaran Online

Maklumat Pendaftaran

Nama	: WAN ROSSYAHIRA IZZATY BINTI WAN AZMI
No Kp	: 960108035300
No Pendaftaran	: 22DAQ14F2001
Program	: DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR
Jabatan	: JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI
Kelas	: DAQ1A
Tarikh Lapordiri	: 23 NOV 2014
Masa Lapordiri	: 8.30 PAGI
Sesi Mula	: DISEMBER 2014
Sesi Tamat	: JUN 2017

Cetak Slip

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar

© Copyright Team Programmer PKB
Klik : | Email

f. Cetak slip pendaftaran dan bawa semasa hari lapordiri



Politeknik Jeli
Jalan Raya Timur-Barat
17600 Jeli
Kelantan

Telefon : 09-9443600
Fax : 09-9462802
Web : <http://www.pjk.edu.my>



Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)

Maklumat Pendaftaran

Nama : WAN ROSSYAHIRA IZZATY BINTI WAN AZMI
No Kp : 960108035300
Program : DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR
Kelas : DAQ1A
Tarikh Lapordiri : 23 NOV 2014
Sesi Mula : DISEMBER 2014
No Pendaftaran : 22DAQ14F2001
Jabatan : JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI
Masa lapordiri : 8.30 PAGI
Sesi Tamat : JUN 2017

Arahan Semasa Melapor Diri

- I Senarai Semak Borang Pendaftaran (BHEP0)
- II Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- III Borang Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung (BHEP2)
- IV Borang Akuan Pelajar dan Akuan Ibu/Bapa/Penjaga (BHEP3)
- V Borang Kebenaran Bapa/Ibu/Penjaga Untuk Rawatan Bilus (Anaesthesia) & Pembedahan (BHEP4)
- VI Borang Laporan Pemeriksaan Doktor (BHEP5). Laporan X-Ray mesti disertakan jika pemeriksaan dibuat di Klinik swasta. Filem X-Ray tidak perlu diserahkan
- VII Borang Aku Janji Pelajar (BHEP6)

-----Potong
Disini-----

Untuk Kegunaan Koperasi Politeknik Jeli Sahaja

Senarai Semak Koperasi Politeknik Jeli

Nama : WAN ROSSYAHIRA IZZATY BINTI WAN AZMI
No Kp : 960108035300
Program : DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR
Kelas : DAQ1A
No Pendaftaran : 22DAQ14F2001

Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter koperasi Politeknik Jeli

Peralatan dari Koperasi Politeknik Jeli yang telah di ambil oleh pelajar.

- | | |
|--------------------------|---------------------|
| <input type="checkbox"/> | BAJU KORPORAT |
| <input type="checkbox"/> | T-SHIRT MSK |
| <input type="checkbox"/> | T-SHIRT KOKURIKULUM |
| <input type="checkbox"/> | T-SHIRT JABATAN |
| <input type="checkbox"/> | LAB COAT |